

Senam Sihat Maulidur Rasul di UMS

UM 3·1·14 26

KOTA KINABALU 2 Jan. - Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) Sabah menjemput orang ramai untuk memeriahkan program Senam Sihat sempena sambutan Maulidur Rasul di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Ahad ini.

Pengarahnya, Samin Ongki berkata, program yang bermula pada pukul 7 pagi dan dijangka dirasmikan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman itu merupakan sebahagian daripada pembaharuan diperkenalkan Yadim bagi mengisi pengisian sambutan itu.

“Diharapkan inisiatif meningkatkan kreativiti dan inovasi ini mampu menarik minat golongan muda untuk bersama-sama melibatkan diri dalam penganjuran program-program keagamaan.

“Lebih 1,000 peserta dijangka hadir memeriahkan majlis ini termasuk mahasiswa UMS, ketua-ketua jabatan negeri dan Persekutuan serta orang ramai,” katanya di sini hari ini.